

BIL 1/2025 (JUN)

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

Hidup Selepas Hutang

Cara Untuk Berasa Lebih Yakin
Terhadap Wang Anda Pada
Setiap Peringkat Kehidupan

Berwaspada Terhadap
Penipuan Kewangan Yang
Semakin Berleluasa

Pajak Gadai: Apa Yang Perlu
Anda Ketahui?

FOMO

PERASAAN 'TAKUT KETINGGALAN'
DAN CARA BIJAK MENGHADAPINYA


ISSN 2180-3684



9 772180 368003



IMBAS KOD QR
UNTUK MUAT TURUN
MAJALAH RINGGIT



FEN FINANCIAL
EDUCATION
NETWORK

Isi Kandungan

04 FOMO: Perasaan 'Takut Ketinggalan' Dan Cara Bijak Menghadapinya



07 Hidup Selepas Hutang



10 Cara Untuk Berasa Lebih Yakin Terhadap Wang Anda Pada Setiap Peringkat Kehidupan

12 Berwaspada Terhadap Penipuan Kewangan Yang Semakin Berleluasa

15 Pajak Gadai: Apa Yang Perlu Anda Ketahui?



Sidang Redaksi

PENASIHAT

Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dr Saravanan Thambirajah

Editor

Puan Nur Asyikin Aminuddin

Sidang Pengarang

Encik Irwan Iskandar Azharuddin (AKPK)
Puan Maizatul Aqira Ishak

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan FOMCA.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7876 4648
Faks: +603 7877 1076
E-mel: fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Tingkat 5 & 6, Menara Aras Raya
Jalan Raja Laut, City Centre
50350 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel: +603 2616 7766
Sesawang: www.akpk.org.my

Financial Education Network (FEN)

Sesawang: www.fenetwork.my

Diurus Terbit Oleh

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 24, Jalan SS1/22A

47300 Petaling Jaya

Selangor, Malaysia

Tel: +603 7875 2392

E-mel: info@crcc.org.my

Sesawang: www.crrc.org.my

Rakan Kongsi Penerbitan Digital

Wordlabs Global Sdn Bhd

No. 617, Block D, Kelana Square

17, Jalan SS7/26, Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya

Selangor, Malaysia

Tel: +603 7886 4933

Fax: +603 7803 0500

E-mel: info@wordlabs.com.my

Sesawang: www.wordlabs.com.my





FOMO: Perasaan 'Takut Ketinggalan' Dan Cara Bijak Menghadapinya

Dalam era digital yang serba pantas ini, ramai orang terjebak dalam fenomena yang dikenali sebagai FOMO (*Fear of Missing Out*) atau 'takut ketinggalan'. Fenomena ini semakin popular terutamanya dengan perkembangan media sosial yang membawa maklumat secara langsung dan serentak kepada pengguna. FOMO merujuk kepada perasaan bimbang kerana orang lain dipercayai menikmati pengalaman yang lebih baik. Dari segi kewangan, FOMO boleh menyebabkan seseorang mengambil keputusan impulsif yang akhirnya menjejaskan kedudukan kewangannya.

Apa itu FOMO?

FOMO ialah perasaan 'takut terlepas' sesuatu yang berharga atau menarik yang sedang dialami oleh orang lain. Biasanya, perasaan ini timbul apabila kita melihat rakan-rakan atau kenalan

di media sosial yang sedang menikmati kehidupan yang lebih menarik, berjaya dalam kerjaya, atau membuat pelaburan yang menguntungkan. Keadaan ini sering kali membuatkan kita berasa tertekan dan cemas kerana merasakan diri kita 'tertinggal' dalam kehidupan sosial atau kewangan.

Fenomena FOMO bukan hanya melibatkan aktiviti sosial, tetapi juga keputusan kewangan. Sebagai contoh, seseorang mungkin berasa terdesak untuk melabur dalam saham tertentu, membeli produk terkini, atau berbelanja lebih daripada kemampuan hanya kerana mereka melihat orang lain melakukannya. FOMO menjadi semakin ketara dengan kewujudan pempengaruh (*influencer*) media sosial yang menonjolkan kehidupan yang sempurna, namun sering kali tidak mencerminkan realiti sebenar.

Bagaimana FOMO mempengaruhi kewangan anda?



1

Perbelanjaan impulsif

FOMO boleh menyebabkan kita berbelanja secara impulsif untuk membeli produk atau perkhidmatan yang tidak diperlukan. Sebagai contoh, membeli barangan mewah atau mengikuti trend terkini hanya kerana orang lain melakukannya tanpa menilai keperluan sebenar.

2

Pelaburan tidak bijak

Disebabkan keinginan untuk tidak ketinggalan dalam 'peluang keemasan', seseorang boleh terjebak dengan pelaburan berisiko tinggi tanpa memahami risiko dan potensi kerugiannya.



3

Mengabaikan matlamat kewangan

FOMO juga boleh mengganggu matlamat kewangan jangka panjang, seperti tabungan persaraan atau pembelian rumah. Seseorang mungkin tergoda untuk memenuhi kehendak sementara, namun sebaliknya menghalang mereka daripada mencapai matlamat kewangan yang lebih besar.

4

Kehilangan kestabilan kewangan

Akibat perbelanjaan yang tidak dirancang dan keputusan kewangan yang terburu-buru, seseorang mungkin mengalami kekurangan dana kecemasan atau berada dalam kedudukan kewangan yang tidak stabil.



Cara mengatasi FOMO dan mengurus kewangan dengan bijak

1

Kenal pasti matlamat kewangan anda

Anda akan lebih mudah fokus pada tujuan jangka panjang, seperti menabung untuk pembelian rumah, pendidikan anak-anak, atau persaraan. Apabila matlamat ini jelas, keputusan kewangan yang didorong oleh FOMO dapat dielakkan.

2

Buat keputusan berdasarkan kemampuan, bukan pengaruh orang lain

Pastikan anda menilai situasi kewangan anda terlebih dahulu. Adakah anda mampu membeli sesuatu yang anda inginkan? Adakah ia akan memberi manfaat jangka panjang atau hanya kepuasan sementara?

3

Bertanggungjawab terhadap perbelanjaan anda

Mulakan dengan mengawasi perbelanjaan harian dan buat bajet yang jelas. Perhatikan juga langganan yang tidak digunakan atau perbelanjaan yang boleh dikurangkan.

4

Tanya diri sendiri: "Adakah saya benar-benar memerlukannya?"

Jika jawapannya adalah "Tidak", cuba elak daripada perasaan FOMO.

5

Hadkan penggunaan media sosial

Kurangkan penggunaan media sosial atau pertimbangkan untuk mengikuti akaun media sosial yang memberi inspirasi yang positif berkaitan dengan hal kewangan dan kehidupan yang lebih seimbang.

6

Fokus pada pencapaian peribadi

Jangan terlalu membandingkan diri dengan orang lain. Setiap individu mempunyai perjalanan kewangan yang berbeza.

FOMO ialah fenomena yang tidak dapat dielakkan dalam era digital ini. Walau bagaimanapun, penting untuk kita mengatasi perasaan ini supaya tidak terjebak dalam keputusan kewangan yang tidak bijak. Dengan menetapkan matlamat kewangan yang jelas, membuat keputusan berdasarkan kemampuan, dan menguruskan perbelanjaan dengan bijak, kita dapat mengatasi FOMO dan menjalani kehidupan kewangan yang lebih seimbang dan bertanggungjawab.



Hidup Selepas Hutang

Pada usia 42 tahun, Mei menyangka bahawa dia memiliki segala-galanya: pekerjaan yang stabil, rumah pinggir bandar yang selesa serta simpanan yang dibina bersama suaminya selama lima belas tahun. Namun, lima tahun kemudian, Mei berada di ruang menunggu sebuah agensi penasihat kredit kerana terjerat dengan hutang dan kehilangan semua simpanannya. Mei terdesak mencari jalan keluar.

Kejatuhan kewangan Mei bermula apabila dia mula bergantung kepada kad kredit. Daripada menampung yuran tuisyen hingga ke percutian keluarga, Mei turut menggunakan kad kredit untuk membayar bil perubatan yang tidak dijangka. Setiap kad baru kelihatan seperti talian hayat, malah melambangkan aspirasi dan kebebasan, seperti kemudahan makan di luar dan melancong.

Dengan keupayaan menampung pelbagai kos sara hidup tanpa tunai, sama ada

ia keperluan atau kehendak, kad kredit memberikan kelegaan jangka pendek, namun membawa tekanan jangka panjang jika tidak diurus dengan baik. Bayangkan jika anda perlu menguruskan enam kad kredit yang semuanya hampir mencapai had maksimum. Begitulah keadaan Mei.

Keadaan Mei bukan kes terpencil. Data kewangan terkini mendedahkan bahawa purata hutang kad kredit setiap peminjam di banyak negara membangun telah mencapai paras tertinggi. Pada tahun 2022, dua pertiga pengguna Malaysia memiliki kad kredit dengan purata baki kad kredit tertunggak sebanyak RM11,955 setiap seorang¹. Mempunyai lebih daripada satu kad kredit, setiap satu dengan baki berulang dan kadar faedah yang tinggi, ialah perkara biasa. Godaan bayaran minimum — yang cukup rendah sehingga kelihatan mudah diurus — menyembunyikan perangkat yang sangat berbisa: faedah terkumpul, baki bertambah, dan lama-kelamaan, hutang menjadi tidak terkawal.

¹ Malaysia State of Consumer Credit 2022, CTOS

Hutang kad kredit yang tidak terkawal bukan sahaja menjejaskan kestabilan kewangan, tetapi juga memberikan kesan psikologi yang besar. Rasa malu, bimbang, dan murung ialah gejala biasa bagi mereka yang terjat dalam hutang. Rasa malulah yang menghalang Mei daripada mendapatkan bantuan lebih awal.

Namun, notis bank yang tidak henti-henti akhirnya mendorong Mei untuk mendapatkan bantuan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Mei berjumpa dengan penasihat kewangan AKPK, Akhdan, yang mendengar dengan sabar ketika dia memperincikan masalah kewangannya. Kata-kata Akhdan meninggalkan kesan mendalam dalam hati Mei: "Ada jalan kembali!"



Akhdan mengesyorkan Program Pengurusan Kredit (PPK) — pelan bayaran balik berstruktur yang menyatukan semua hutang menjadi satu bayaran bulanan, selalunya dengan kadar faedah yang dikurangkan atau dikecualikan. Dengan persetujuan pemberi pinjaman, pelanggan kemudian boleh membayar baki prinsipal dalam jangka masa yang teratur dan realistik.

"Setelah bercakap dengan penasihat kewangan barulah saya dapat bernafas semula," Mei akui. "Saya menjangkakan semua kesilapan saya akan diungkit, tetapi Akhdan terbukti seorang pendengar yang setia."

Bagi Mei, menyertai PPK ialah satu komitmen. "Pada mulanya, saya rasa ia mustahil," katanya. "Tidak boleh pergi bercuti. Tidak boleh membeli barangan mewah. Tiada lagi gajet baharu atau keluar makan malam untuk berseronok. Saya terpaksa mengubah sepenuhnya apa yang 'normal' bagi saya." Mei dan suaminya mula mengamalkan gaya hidup berhemat: memasak di rumah, menjual kereta kedua, dan mengurangkan setiap perbelanjaan yang tidak perlu. Mereka malah membuat kerja sambilan pada hujung minggu untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Namun, cabaran emosi juga harus ditempuh. "Menyelesaikan hutang bukan hanya melibatkan wang dan angka tetapi juga melibatkan perasaan takut, bersalah, dan penyesalan," Mei mengakui. Sesi bersama penasihat kewangan membantunya membina semula bukan sahaja akaun banknya, tetapi keyakinannya.

Kemajuan Mei perlahan tetapi stabil. Setiap bulan, sedikit demi sedikit, bebanan hutang semakin berkurang. Di pertengahan program, Mei sudah mula melihat cahaya di hujung jalan. "Saya mengalami satu transformasi," kata Mei. "Disiplin yang saya dapat daripada program ini mengubah cara saya menjalani kehidupan saya." Pada April 2023, Mei membuat bayaran terakhirnya.

Hari ini, Mei bebas hutang. Dia telah membina semula dana kecemasan, menambah simpanan persaraannya secara tetap, dan hanya menggunakan satu kad kredit — yang dibayar sepenuhnya setiap bulan. “Hidup saya dan suami berbeza sekarang,” Mei merenung. “Kami mengutamakan kesederhanaan. Kami memahami erti kesabaran, dan tidak lagi malu mendapatkan bantuan kerana kami tahu ia bukan tanda kami lemah tetapi lebih bijak.”

Mei sering berkongsi kisahnya dengan orang lain yang bergelut dengan hutang, sebagai sukarelawan melalui Sahabat AKPK, iaitu sebuah inisiatif komuniti yang bertujuan mengumpulkan maklum balas

untuk memupuk tabiat kewangan yang lebih baik. Mesej Mei jelas: **“Anda boleh jatuh tetapi anda juga boleh bangkit. Ia bermula dengan satu keputusan berani: meminta bantuan.”**

Kita harus mula melihat kemudahan kredit daripada kedua-dua sisi bagi memahami kemampuannya mempermudah atau memusnahkan kehidupan. Menggunakan kemudahan kredit ialah suatu tanggungjawab yang mewajibkan sikap berhati-hati dan pertimbangan.

Masihkah ada kehidupan selepas hutang? Ada! Perjalanan kewangan Mei membuktikannya.



Cara Untuk Berasa Lebih Yakin Terhadap Wang Anda Pada Setiap Peringkat Kehidupan

Beberapa langkah mudah dapat membantu anda membina keyakinan terhadap situasi kewangan anda. Langkah pertama adalah mengukuhkan kedudukan kewangan diri dan keluarga anda.

Berikut ialah 5 langkah kecil yang boleh membantu anda membina asas untuk mencapai impian anda dan memulakannya dengan mudah hari ini.

1. Tentukan apa yang anda mahu wang anda lakukan untuk anda

Untuk merealisasikan impian anda, anda memerlukan perancangan kewangan. Langkah pertama adalah menentukan matlamat anda. Apa yang paling anda mahukan? Dana pendidikan untuk anak-anak? Persaraan awal? Atau mungkin rumah percutian di kawasan pesisir yang menyimpan kenangan manis percutian anda? Kenal pasti matlamat anda sama ada sebagai keutamaan utama, keperluan atau kehendak, dan pastikan ia khusus serta boleh dicapai. Jika matlamat itu terlalu abstrak, anda akan mudah menyimpang. Sebaik sahaja anda tahu apa yang anda mahukan, anda boleh merancang untuk mendapatkan hasilnya.



Lakukan hari ini: Tulis matlamat anda. Kajian menunjukkan bahawa individu yang menulis matlamat mereka mempunyai kebarangkalian 40% lebih tinggi untuk mencapainya berbanding dengan mereka yang tidak berbuat demikian. Oleh itu, ambillah pen dan kertas, dan mula menulis impian anda.

2. Sediakan dana yang secukupnya untuk kecemasan

Apa yang akan berlaku jika anda diberhentikan kerja pada hari ini? Atau doktor anda memberitahu anda tentang keputusan ujian kesihatan anda yang membimbangkan? Pastikan anda mempunyai pelan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini. Anda boleh mempertimbangkan perlindungan insurans yang berbeza, tetapi ia juga merupakan idea yang baik untuk mempunyai simpanan kecemasan.



Lakukan hari ini: Bina 'perlindungan tambahan' dalam bentuk simpanan. Langkah praktikal yang baik adalah mempunyai simpanan yang cukup untuk perbelanjaan harian selama 3-6 bulan. Mulakan secara berperingkat dan teruskan secara konsisten.

3. Langsaikan hutang anda

Adakah bil kad kredit anda menghalang anda mencapai matlamat kewangan jangka panjang? Sekiranya anda mempunyai beberapa kad kredit atau hutang pinjaman pendidikan, gabungan kedua-duanya dapat membantu mengurangkan kadar faedah supaya anda dapat melangsaikan hutang anda dengan lebih cepat.



Lakukan hari ini: Kenal pasti hutang yang mempunyai kadar faedah tertinggi. Bayar hutang yang mempunyai kadar faedah tertinggi dahulu, kemudian bayar seberapa banyak yang anda mampu setiap bulan.

4. Kekalkan bajet yang berhemat

Menetapkan belanjawan bulanan adalah antara perkara utama yang perlu anda lakukan. Jika anda masih belum melakukannya, maka melakukannya pada hari ini. Tetapkan pelan yang anda boleh realisasikan.



Lakukan hari ini: Periksa penyata akaun bank anda dan buat senarai tentang apa yang anda belanjakan setiap bulan untuk perkara yang tidak penting seperti keahlian gim, pembelian makanan di luar, dan hiburan. Jika anda membayar bil untuk aktiviti yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya, pertimbangkan untuk membatalkannya.

5. Bina Tabung Persaraan

Jangan biarkan kebimbangan mengenai masa depan anda membuatkan anda berjaga malam. Mulakan perancangan persaraan anda. Ia sebenarnya mudah.



Lakukan hari ini: Semak sumbangan anda kepada dana persaraan anda sendiri. Jika anda mendapat kenaikan gaji dan boleh memotong perbelanjaan lain, tingkatkan sumbangan kepada dana persaraan anda dengan sewajarnya. Rujuk perunding kewangan yang bertauliah untuk memastikan anda berada di landasan yang betul.

Perancangan kewangan sebenarnya tidak membebankan. Kajian menunjukkan bahawa individu yang belajar tentang pengurusan kewangan peribadi mempunyai keyakinan sebanyak 75% terhadap kewangan masa hadapan mereka. Jika anda salah seorang daripada mereka, maka anda sudah pun melakukan perkara yang betul.

Berwaspada Terhadap Penipuan Kewangan Yang Semakin Berleluasa

Dalam era digital yang semakin berkembang, ancaman penipuan kewangan terus meningkat dan menjadi cabaran besar dalam kalangan masyarakat Malaysia. Taktik dan modus operandi yang digunakan oleh penjenayah semakin rumit dan sukar dikesan, menyebabkan ramai individu mengalami kerugian besar. Oleh itu, kesedaran dan langkah pencegahan amat penting bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan.

Peningkatan kes penipuan kewangan

Statistik terkini menunjukkan peningkatan ketara dalam kes-kes penipuan kewangan di Malaysia sepanjang tahun 2024. Menurut laporan rasmi:

A

Sebanyak **34,495 kes** penipuan kewangan direkodkan, meningkat sebanyak 3% berbanding dengan tahun 2023.

B

Kerugian kewangan akibat penipuan meningkat sebanyak **29%**, mencecah **RM1.6 bilion** berbanding dengan **RM1.2 bilion** pada tahun sebelumnya.

C

24,671 kes penipuan dalam talian dicatatkan sehingga September 2024, melibatkan kerugian sebanyak **RM1.04 bilion**.

D


Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) telah menerima **122,603 panggilan aduan** berkaitan kes penipuan dan khidmat nasihat sehingga Ogos 2024, dengan jumlah kerugian yang dilaporkan sebanyak **RM371 juta**.

E

CyberSecurity Malaysia mencatatkan **3,483 insiden** penipuan dalam talian dari Januari hingga Oktober 2024, berbanding dengan **3,087 insiden** dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Modus operandi penipuan kewangan

Scammer akan menggunakan pelbagai teknik untuk memperdaya mangsa. Berikut ialah beberapa taktik utama yang dikesan:



Love Scam

Scammer akan menyamar sebagai individu yang ingin menjalin hubungan romantik, kemudian memperdaya mangsa untuk memindahkan wang kononnya untuk keperluan kecemasan.



Macau Scam

Mangsa ditakutkan dengan dakwaan kononnya mereka terlibat dalam kes jenayah atau hutang besar, lalu dipaksa membuat bayaran segera untuk membersihkan nama mangsa.



Skim Pelaburan Palsu

Tawaran pelaburan dengan pulangan luar biasa dan tidak realistik digunakan untuk menarik minat dan menjerat mangsa, tetapi akhirnya mangsa kehilangan wang.



Penipuan E-Dagang
Barangan yang dipesan secara dalam talian tidak dihantar, atau penjual menghilangkan diri selepas menerima bayaran.



Pencurian Identiti
Maklumat peribadi dicuri dan digunakan untuk melakukan transaksi tanpa kebenaran pemilik sebenar.

Langkah pencegahan untuk mengelak daripada ditipu

Bagi melindungi diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan, beberapa langkah penting boleh diambil:

Berhati-hati terhadap panggilan atau mesej yang mencurigakan: Jangan mudah percaya kepada individu yang mendakwa mewakili institusi rasmi tanpa pengesahan.

Semak kesahihan pelaburan: Jika sesuatu skim pelaburan kedengaran terlalu baik untuk menjadi kenyataan, kemungkinan besar ia satu penipuan.

Gunakan kaedah pembayaran yang selamat: Berurusan melalui platform yang mempunyai perlindungan pengguna dan elakkan transaksi secara terus dengan individu yang tidak dikenali.

Jaga kerahsiaan maklumat peribadi: Jangan kongsi maklumat sensitif seperti nombor kad pengenalan, akaun bank, atau kata laluan dengan sesiapa.

Laporkan segera kepada pihak berkuasa: Jika mengalami atau mengesyaki sebarang bentuk penipuan, laporkan kepada polis atau NSRC untuk tindakan lanjut.

Peranan masyarakat dan pihak berkuasa

Membanteras penipuan kewangan memerlukan usaha bersama antara masyarakat dengan pihak berkuasa. Kerajaan telah menubuhkan NSRC bagi menangani kes penipuan dengan lebih pantas. Setakat November 2023, pusat ini berjaya menyekat transaksi bernilai **RM33 juta** daripada jatuh ke tangan penjenayah.

Selain itu, institusi kewangan juga perlu memperketat kawalan keselamatan bagi mengelakkan akaun pelanggan daripada digodam atau disalahgunakan dengan mudah. Kesedaran dalam kalangan masyarakat turut memainkan peranan penting dalam membendung jenayah

ini. Kempen pendidikan, perkongsian maklumat di media sosial, serta pendedahan kepada teknik penipuan terkini boleh membantu mengurangkan jumlah mangsa penipuan.

Kesimpulannya, penipuan kewangan bukan isu kecil, tetapi satu ancaman yang semakin membesar dan boleh menimpa sesiapa sahaja. Kesedaran, kepekaan dan langkah berjaga-jaga ialah kunci utama dalam melindungi diri dan masyarakat daripada menjadi mangsa sindiket penipuan. Dengan kerjasama pihak berkuasa, institusi kewangan dan masyarakat, jenayah ini dapat dikurangkan demi kesejahteraan bersama.

Pajak Gadai: Apa Yang Perlu Anda Ketahui?



Dengan keadaan ekonomi yang sering turun naik, dan masa depan kewangan yang penuh ketidakpastian, ramai antara kita sukar meneruskan kehidupan. Sama ada disebabkan kehilangan pekerjaan, pengurangan pendapatan atau keperluan perbelanjaan kecemasan.

Menambah hutang baharu mungkin salah satu cara untuk meneruskan kehidupan. Namun, adakah kita perlu memohon pinjaman daripada bank, atau wajar mempertimbangkan pajak gadai?

Ramai pengguna beranggapan bahawa pajak gadai merupakan cara yang mudah, selesa dan pantas untuk mendapatkan wang tunai. Ia benar sekiranya barangan yang digadai dapat ditebus semula. Namun, terdapat risiko penipuan oleh pemegang pajak gadai yang tidak beretika. Oleh itu, pengguna perlu sentiasa berwaspada agar tidak terperdaya.

Apakah itu pajak gadai?

Pajak gadai secara tradisionalnya dikenali sebagai 'kedai pajak' dan lazimnya terletak di kawasan bandar atau pekan kecil. Ia menawarkan pinjaman wang tunai dengan cagaran barang berharga seperti emas, perak, berlian, jam tangan dan sebagainya.

Pemegang pajak gadai akan menilai nilai pasaran barangan tersebut dan menawarkan pinjaman bersesuaian. Pelanggan akan menandatangani surat perjanjian pinjaman yang menetapkan jumlah pinjaman, kadar faedah, tempoh bayaran balik, serta implikasi sekiranya gagal membayar balik pinjaman.

Aktiviti pajak gadai dikawal selia oleh Akta Pemegang Pajak Gadai 1972. Pemegang pajak gadai melakukan dua perkara: Membeli barang berharga anda atau menawarkan pinjaman berasaskan cagaran. Pinjaman berasaskan cagaran bermaksud peminjam menerima pinjaman wang dengan menyerahkan barangan berharga sebagai cagaran sekiranya pinjaman tidak dapat dilunaskan.

Apakah barang yang boleh dipajak gadai?

Kebanyakan kedai pajak gadai menerima emas, namun terdapat juga yang menerima barangan lain seperti jam tangan mewah, beg tangan berjenama, telefon bimbit dan komputer riba. Pengguna disarankan untuk mendapatkan maklumat awal daripada kedai pajak gadai mengenai barangan yang diterima.

8

TIP PENTING
UNTUK PENGGUNA
BIJAK

Fahami terma & syarat

- Tempoh gadaian biasanya 6 bulan dengan pilihan pembaharuan.
- Catatkan tarikh tamat dan semak kadar faedah (upah simpan).

Pilih kedai pajak gadai berlesen

- Pastikan premis mempunyai lesen sah di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.
- Elakkan kedai pajak gadai haram.

Dapatkan rekod transaksi sah

- Sentiasa simpan Surat Pajak Gadai dan resit bayaran untuk rujukan masa hadapan.

Penilaian barang yang adil

- Pastikan nilai barang mengikut harga pasaran.
- Bandingkan penilaian daripada beberapa kedai pajak gadai.

Tepati tarikh tamat

- Buat peringatan untuk menebus atau memperbaharui Surat Pajak Gadai sebelum tamat tempoh.

Periksa barang selepas penebusan

- Pastikan barang yang ditebus adalah asli dan sama seperti ketika digadai.
- Ambil gambar atau video barangan gadaian sebelum dan selepas sebagai bukti untuk memastikan barangan yang dipulangkan adalah sama.

Fahami hak anda

- Anda berhak menerima notis sebelum urusan lelongan barang.
- Lebihan hasil lelongan ialah hak anda (*Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Pawn Brokers Act 1972), khususnya dalam Seksyen 23 memberikan jaminan undang-undang kepada peminjam untuk memastikan lebihan hasil lelongan dipulangkan kepada mereka. Pajak gadai yang melanggar undang-undang ini boleh dikenakan tindakan.*).

Elakkan caj tersembunyi

- Semak caj yang dikenakan dan pastikan tiada bayaran tambahan tanpa persetujuan.

HINDARI PENIPUAN, AMBIL LANGKAH SELESAI

Fakta penting untuk pengguna bijak

- Pajak gadai ialah kemudahan kewangan alternatif; gunakan dengan berhemat.
- Jangan lewat menebus barang anda — kerugian boleh dielakkan!
- Pilih kedai pajak gadai berlesen untuk urus niaga yang selamat.

Jika anda menghadapi masalah atau ditipu, hubungi:

- i) Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
 - Tel: 03 8891 4667
 - Aduan: <https://aduan.kpkt.gov.my>
- ii) Stesen polis terdekat



Sila layari laman sesawang Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC), www.nccc.org.my dan klik **E-ADUAN** untuk membuat sebarang aduan. Pengguna juga boleh menghubungi NCCC di talian 03 7877 1076 / 03 7877 9000

JARINGAN PENDIDIKAN KEWANGAN (FEN)



FEN ditubuhkan bagi meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia dan menggalakkan tabiat kewangan yang bertanggungjawab



Lebih daripada 800 alat dan sumber pendidikan kewangan secara percuma



Alat dan sumber literasi kewangan untuk semua rakyat Malaysia

Tahukah anda dengan adanya ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang kewangan dapat membantu anda membuat keputusan kewangan dengan bijak?

Mulakan langkah kewangan anda dengan alat ilmu pengetahuan yang betul.



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia



Pertubuhan Insurans Deposit Malaysia
Malaysia Deposit Insurance Corporation



Jom Mulakan>



Lawati laman web FEN dan ikuti kami di media sosial



myfenetwork



www.fenetwork.my